



13 APR, 2021

17,600kg racun diisytihar baja dirampas

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

17,600kg racun diisytihar baja dirampas

Kepala Batas: Modus operandi pengimport racun makhluk perosak tidak berdaftar disyaki cuba membawa masuk 17,600 kilogram (kg) *paraquat dichloride* 42 peratus dengan mengisytiharkannya sebagai baja, digagalkan dalam pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), 26 Mac lalu.

Racun diisi dalam 80 tong dengan anggaran nilai RM171,212 itu dirampas Jabatan Pertanian melalui Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, hasil maklumat pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang.

Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris, berkata ia adalah rampasan terbesar dalam tahun ini, malah kali pertama membabitkan pengimpor-

tan racun makhluk perosak tidak berdaftar yang berjaya ditumpaskan.

Katanya, hasil pemeriksaan MAQIS mendapati racun itu diimport daripada syarikat berpangkalan di Wilayah Anhui, China, dengan diisytiharkan sebagai baja.

Beliau berkata, siasatan lanjut juga mendapati racun berkenaan dipercayai mengandungi bahan aktif *paraquat dichloride* yang diharamkan di negara ini sejak 1 Januari tahun lalu.

“Ia diharamkan kerana berbahaya kepada pengguna, termasuk boleh menyebabkan mata rosak, cirit-birit, pengsan dan kematian, selain tiada penawar.

“Bahan rampasan itu jika dikilangkan, boleh menghasilkan sekurang-kurang 3,000 tong *paraquat dichloride* 13 pe-



Mohd Nasir bersama Noriah menunjukkan tong racun perosak tidak berdaftar yang dirampas di Kompleks Pertanian Bumbung Lima di Kepala Batas, semalam.
(Foto Danial Saad/BH)

ratus dengan nilai dianggarkan berjumlah RM450,000,” katanya pada sidang media di Kompleks Pertanian Bumbung

Lima, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Mat Lesak Ngathinee

serta Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Noriah Dahlan.

Mengulas lanjut, Mohd Nasir memaklumkan selain Malaysia, banyak negara lain mengambil langkah mengharamkan penggunaan racun berkenaan.

“Racun terbabit digunakan untuk membunuh semua jenis rumpai dengan kesannya dalam tempoh beberapa jam, menyebabkan ramai petani suka menggunakannya,” katanya.

Mohd Nasir berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 13(1) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara lima tahun atau denda RM50,000.

Beliau menegaskan, Jabatan Pertanian sentiasa komited membanteras pengimportan dan penjualan racun makhluk perosak tidak berdaftar dalam pasaran.



13 APR, 2021

17,600kg racun diisytihar baja dirampas

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kepala Batas: Modus operandi pengimport racun makhluk perosak tidak berdaftar disyaki cuba membawa masuk 17,600 kilogram (kg) paraquat dichloride 42 peratus dengan mengisytiharkannya sebagai baja, digagalkan dalam pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), 26 Mac lalu. Racun diisi dalam 80 tong dengan anggaran nilai RM171,212 itu dirampas Jabatan Pertanian melalui Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, hasil maklumat pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Pulau Pinang.